

sekiranya tender tersebut disetujuterima. Kekurangan di dalam tender seperti Lembaran Imbangan, Penyata Bulanan Akaun Bank, Laporan Bank, Laporan Penyelia Projek Bagi Kerja Semasa Bukan Kerja JKR dan lain-lain yang tidak disertakan mesti dinyatakan dalam Laporan Penilaian Tender untuk pertimbangan Lembaga Perolehan⁵.

(b) Penilaian Keupayaan. Jawatankuasa yang menilai tender hendaklah memastikan perkara-perkara berikut diambilkira:

- (i) Memastikan petender memenuhi kesemua syarat yang dinyatakan dalam dokumen tender.
- (ii) Menilai keupayaan teknikal petender seperti pengalaman kerja termasuk rekod prestasi, projek yang sedang dilaksanakan, kakitangan teknikal dan keempunyaan loji dan peralatan asas (disewa atau milik sendiri).
- (iii) Menilai keupayaan kewangan petender dari segi modal pusingan, *net worth*, kemudahan kredit, nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap dan sebagainya.
- (iv) Menganalisis harga tender dengan mengambil kira tempoh siap/penghantaran yang ditawarkan berdasarkan tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan.

7.3.3 Penilaian tender kerja berasaskan Reka dan Bina hendaklah dibuat oleh dua (2) jawatankuasa yang berasingan seperti berikut:

(a) Jawatankuasa Penilaian Teknikal

- (i) Keahlian jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang, iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli, di mana sekurang-kurang seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.

⁵ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 bertarikh 27 Feb 2007.